

## Penggunaan Retorik dalam Pengucapan Ahli Parlimen Malaysia Syed Saddiq semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia Ke 15

<sup>1</sup>\*Mohd Syafiq Bin Haji Mohd Zunaidi, <sup>2</sup>Yabit Alas

Universiti Brunei Darussalam

\*Corresponding Author e-mail: syafiqzunaidi04@gmail.com

Received: September 2023; Revised: October 2023; Published: November 2023

### Abstrak

Kemahiran komunikasi seseorang itu sangat penting memandangkan manusia merupakan makhluk sosial dan memerlukan komunikasi bagi melengkapi kehidupan sehari-hari. Mutakhir ini, perkembangan teknologi semakin meningkat dan berkembang pesat ke dalam kehidupan masyarakat. Hampir keseluruhan aktiviti harian yang dijalankan tidak terlepas dari penggunaan teknologi, bermula dari semudah memesan makanan sehingga ke pekerjaan dan pembelajaran. Apalagi dalam bidang politik yang juga tidak terlepas dalam memanfaatkan perkembangan teknologi yang ada. Bidang politik ini merupakan medium yang penting dalam hubungan masyarakat dengan kerajaan sehingga adanya konsep solidariti. Perkara ini disebabkan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup dalam bermasyarakat. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk meneliti takrif, kepelbagaian ciri, dan peranan penggunaan retorik berlandaskan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Selain itu, untuk menelaah penanda-penanda dalam bentuk pemilihan perkataan dan aspek kebahasaan serta mengkategorikan penggunaan retorik yang dimuatkan dalam pengucapan ahli politik Yang Berhormat (YB) Syed Saddiq dalam platform *Tiktok*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian terhadap video yang berkisar mengenai bidang politik yang disampaikan oleh YB Syed Saddiq dalam akaun rasmi *Tiktok* beliau dengan memanfaatkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Selain itu, data kajian ini menumpukan kepada tujuh belas buah video *Tiktok* YB Syed Saddiq semasa berkempen bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia yang ke 15. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang telah dijalankan, kajian ini mendapati empat dari lima jenis retorik moden ditemui dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq, iaitu retorik pendedahan sebanyak 50.7 peratus, retorik pemujukan 24.6 peratus, retorik penerangan 15.2 peratus dan retorik penghujahan sebanyak 9.4 peratus. Kesemua jenis retorik ini telah dikenal pasti melalui penanda tertentu, seperti penggunaan kata pemer, kata sendi nama, kata seru, dan penggunaan segmen agama.

**Kata Kunci:** Retorik; Komunikasi Politik; Pengaruh; Syed Saddiq; Tiktok

### *The Use of Rhetoric in the Speech of Malaysian Member of Parliament Syed Saddiq during the 15th Malaysian General Election (GE)*

#### Abstract

Communication skills are very important considering that humans are social creatures and need communication to complete their daily lives. Lately, the development of technologies is increasing and proliferating in human life. Almost all daily activities are not separated from the use of technology outset from as simple as ordering food until comes to work and study. Thus, the political field is also not exempt from taking advantage of the available technological developments. This political field becomes an important medium in the relationship between the community and the government so that it emerges the concept of unity. The reason is to ensure harmony and well-being in a country. So this study intends to study the definition, variety of characteristics, and role of using rhetoric based on Modern Rhetoric Theory by Enos and Brown (1993). Other than that, to examine the markers in the form of word selection and linguistic aspect as well as categorize the use of rhetoric contained in YB Syed Saddiq's political speech on the Tiktok platform. This study uses the bibliographic methodology and observational methods on videos that revolve around the political field presented by YB Syed Saddiq in his official Tiktok account by utilizing Modern Rhetorical Theory by Enos and Brown (1993). In addition, the data of this study

*focused on seventeen Tiktok videos of YB Syed Saddiq while campaigning for the 15th Malaysian General Election (GE). Based on the analysis and discussion that has been carried out, this study found only four out of five types of rhetoric that were used in YB Syed Saddiq's political speech, namely exposure rhetoric of 50.7 percent, persuasion rhetoric of 24.6 percent, explanation rhetoric of 15.2 percent, and argumentative rhetoric of 9.4 percent. These types of rhetoric have been identified through certain markers, such as the use of adjectives, noun phrases, exclamations, and the use of religious segments.*

**Keywords:** Rhetoric; Political Communication; Influence; Syed Saddiq; Tiktok

**How to Cite:** Zunaidi, M. S. B. H. M., & Alas, Y. (2023). Penggunaan Retorik dalam Pengucapan Ahli Parlimen Malaysia Syed Saddiq semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia Ke 15. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1(1), 48–68. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v1i1.1609>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v1i1.1609>

Copyright© 2023, Zunaidi & Alas

This is an open-access article under the CC-BY-SA License.



## INTRODUCTION

Retorik berasal daripada bahasa Inggeris 'rhetoric' yang bersumberkan dari bahasa latin 'rhetorica' yang bermaksud ilmu berbicara. Menurut Asmah (1984) mentakrifkan retorik sebagai penggunaan atau keupayaan menggunakan bahasa secara efektif. Menurut Harsoyo dalam Rajiyem (2005) pula, retorik merupakan ilmu yang memiliki sifat rasional, empiris, umum, dan akumulatif. Istilah retorik ini diperkenalkan oleh Aristoteles yang pada awalnya hanya dianggap sebagai kecekapan berpidato dan bukannya sebagai ilmu pengetahuan. Seiring peredaran zaman, istilah retorik juga dikembangkan dan menyebar luas dalam pelbagai bidang lain seperti politik, ekonomi, kesenian, pendidikan, dan sebagainya (Dhankik Sulistyarini dan Anna Gustina Zainal, 2020).

Sejarah perkembangan retorik ini dapat dibahagiakan kepada empat peringkat, iaitu Retorik Yunani Kuno, Retorik Romawi Kuno, Retorik Abad pertengahan, dan Retorik Modern. Menurut Hart (1997) retorik pula mempunyai enam fungsi utama, iaitu, 1/ tidak membebankan (*unburdens*); 2/ mengalih perhatian (*distracts*); 3/ membesar (*enlarges*); 4/ menamakan (*names*); 5/ pemerksaan (*empowerments*); dan 6/ memanjangkan (*elongates*). Justeru, kajian mengenai penggunaan retorik ini kerap kali dijalankan oleh pengkaji bahasa dari lensa pelbagai bidang. Antara kajian yang pernah dijalankan ialah seperti berikut; dalam bidang periklanan, Noor husna (2011) dan Sharil Nizam Sha'ri et al (2016). Seterusnya, dalam bidang keagamaan, Untung suhardi (2020) dan Asep Saepulah (2020). Selain itu, dalam bidang kesusasteraan pula, Rahmah Ahmad Haji Osman dan Mohd Shahrizal Nasir (2013). Akhir sekali dalam bidang politik, seperti Khairul Naziah Binti Mohammad (2016) dan Abdul Razak et al (2016). Tambahan lagi, penggunaan retorik bukan sahaja dianggap sebagai suatu seni pertuturan tetapi digunakan bagi membina kerjasama, kesefahaman, dan keharmonian hidup berdasarkan aktiviti komunikasi seperti politik, pendidikan dan sebagainya (Dhankik Sulistyarini dan Anna Gustina Zainal, 2020).

Menurut Emalina Fransiska Hia dan Chontina Siahian (2021) bahawa bidang politik juga tidak terlepas dalam memanfaatkan perkembangan teknologi yang ada, baik positif mahupun negatif. Tambahan lagi, menurut Silih Agung Wasesa dalam Faridhian Anshari (2013) perkembangan teknologi media sosial bukan sahaja menjadikan bidang politik semakin luas dan berkembang tetapi penyebarannya

sangat cepat dan bersifat dua hala, iaitu berinteraksi antara penulis dan pembaca. Contohnya, penggunaan aplikasi *Tiktok*, iaitu ciri komen dimuatkan dalam aplikasi berkenaan yang membolehkan aktiviti interaksi dijalankan. Perkara ini menjadi nilai tambah kepada media sosial masa kini berbanding media massa tradisional. Perkembangan terkini itu meliputi komponen seperti interaktif, aktif, dan kreativiti yang menjamin kesetaraan dan jaringan (Van Dijk, 2012). Tambahan lagi, menurut Bennett (2008); Jenkins (2006); Levine (2011); Rheingold (2008) prospek platform digital dalam mempromosikan penglibatan politik khususnya dalam kalangan belia adalah dianggap positif kerana partisipasi pengguna, keterbukaan, perbincangan, dan keterhubungan (Arum Wahyuni Purbohastuti, 2017). Justeru, kesemua criteria-criteria ini penting dalam komunikasi politik kerana ia boleh membantu mencapai konsep solidariti. Dalam suasana bermasyarakat, solidariti diperlukan untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup dalam sesebuah bangsa. Abdul Halim Ali (2005) menjelaskan bahawa konsep solidariti ialah bagi menyokong perpaduan integriti dalam interaksi yang erat antara sesebuah masyarakat dan sistem pentadbirannya. Justeru, pemilihan perkataan dan aspek kebahasaan perlu diberikan perhatian khusus agar mesej yang ingin disampaikan mudah diterima dan dapat mempengaruhi masyarakat (Muhd Mazlan, 2015).

Persoalannya, bagaimanakah penanda-penanda dalam bentuk pemilihan perkataan dan aspek kebahasaan serta corak penggunaan retorik yang dimuatkan dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq dalam platform *Tiktok*? Oleh itu, objektif kertas kerja ini dijalankan adalah bagi: 1/ Menjelaskan takrif, kepelbagaian ciri, dan peranan penggunaan retorik berlandaskan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). 2/ Menelaah penanda-penanda dalam bentuk pemilihan perkataan dan aspek kebahasaan serta mengkategorikan penggunaan retorik yang dimuatkan dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq dalam platform *Tiktok*. Hasil kajian ini diharap dapat membantu dalam memperkembang lagi pengetahuan politik yang boleh dimanfaatkan bukan sahaja pada bahasa yang digunakan dalam bidang politik oleh pembesar negara tetapi kepada aktiviti perdebatan yang dianjurkan di sekolah. Ia juga dapat membantu dalam penggunaan bahasa keseharian seperti keberkesanan dalam berkomunikasi.

Pendidikan politik merupakan satu instrumen yang berkesan bagi membina asas bernegara yang matang dan kukuh (Hanneeyzah Bariah, 2019). Di samping itu, kertas kerja ini juga bertujuan untuk menyokong hasrat dalam kajian yang dijalankan oleh Khairul Naziah Binti Mohammad (2016) bahawa kajian penggunaan retorik kurang dijalankan oleh pengkaji sama ada dalam atau luar negara. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat menambah bahan kajian yang sedia ada dan menjadi perangsang idea baharu untuk pengkaji akan datang. Walau bagaimanapun, tumpuan kajian ini adalah pada bahagian Sosiolinguistik yang dalamnya merangkumi penggunaan retorik. Kertas kerja ini telah memfokuskan kepada Teori Retorik Moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993) kepada pengucapan politik yang disampaikan oleh salah seorang ahli parlimen Malaysia, iaitu YB Syed Saddiq. Pengutipan data ini, diperolehi melalui aplikasi *Tiktok*, iaitu pada akaun rasmi beliau yang memfokuskan kepada bidang politik sahaja dan bukan kepada konten yang berkisar mengenai promosi dan juga gaya hidup. Tambahan lagi, kajian ini dibataskan kepada video sahaja dan bukan pada gambar dan juga teks.

## METODOLOGI

Selanjutnya, dalam bahagian ini menghuraikan tentang kaedah atau tatacara yang digunakan dalam kertas kerja yang menggunakan pendekatan campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif ia memberi tumpuan utama kepada video-video pengucapan yang berkisar mengenai bidang politik yang disampaikan oleh YB Syed Saddiq. Bagi kaedah kuantitatif pula, tertumpu kepada peratus kekerapan penggunaan jenis-jenis penggunaan retorik yang terdapat dalam data kajian. Instrumen yang digunakan bagi kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian.

Kertas kerja ini telah menggunakan kaedah kepustakaan ini dengan cara merujuk kepada buku teks dan artikel-artikel yang ada di perpustakaan, dan juga laman sesawang yang relevan dengan kajian ini bagi mendapatkan maklumat tambahan dan mengukuhkan lagi kajian kertas kerja. Kaedah ini juga sering digunakan dalam penulisan akademik contohnya, dalam tulisan Nurul Izzatie Yusri dan Khazri Osman (2022) dan Lina Mastura Jusoh dan Zaleha Embong (2021). Perkara ini membuktikan bahawa penggunaan kaedah kepustakaan dan merujuk kepada artikel-artikel tertentu dapat menghasilkan kajian yang baik.

Seterusnya, kertas kerja ini menggunakan kaedah pemerhatian terhadap video yang berkisar mengenai bidang politik yang disampaikan oleh YB Syed Saddiq. Video-video pengucapan YB Syed Saddiq tersebut dikutip dari akaun rasmi beliau di aplikasi *Tiktok*. Pemilihan platform ini adalah atas beberapa faktor, iaitu; pertama, populariti platform *Tiktok* yang sangat berkembang dan menjadi buah mulut masyarakat pada masa kini. Buktinya, aplikasi *Tiktok* melangkaui *Google* dan *Facebook* sebagai domain web yang paling popular di dunia (Johan Moreno, 2021). Kedua, aplikasi *Tiktok* ini tertumpu kepada penyajian konten yang berbentuk video sahaja berbanding aplikasi lain, seperti *Instagram*, dan *Facebook* yang penyajian kontennya berbentuk campuran, iaitu gambar dan juga video. Aplikasi *Youtube* yang kontennya juga hanya memfokuskan kepada video. Namun demikian, YB Syed Saddiq tidak mempunyai akaun rasmi dalam aplikasi berkenaan. Pemilihan ahli parlimen Malaysia, YB Syed Saddiq ini pula berdasarkan beberapa faktor, iaitu; 1/ menang banyak pertandingan debat seperti “the United Asian Debating Championship (UADC)” dan “the Asian British Parliamentary (ABP) Debating Championship”. Jadi, perkara ini membuktikan kemahiran dan keberkesanan tahap berbahasa beliau yang sangat tinggi dan baik; 2/ membuka “Sekolah by Syed Saddiq”, iaitu beliau mengajar peserta untuk menjadi komunikator yang mahir dalam menyampaikan komunikasi yang berkesan serta cara menggunakan media sosial seperti *Tiktok* yang berkesan. Perkara ini juga membuktikan beliau tidak asing dalam kemahiran komunikasi dan penggunaan media sosial; dan 3/ pelantikan sebagai Menteri Belia dan Sukan. Beliau sudah diamanahkan dengan jawatan menteri di usia muda dan mendapat gelaran sebagai menteri termuda. Natijahnya, kesemua faktor-faktor ini membuktikan kerelevanan untuk menjadikan YB Syed Saddiq sebagai data kajian bagi kertas kerja ini.

Seterusnya, analisis dalam kajian ini tertumpu kepada penggunaan retorik yang memanfaatkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) yang kemudian menghuraikan secara rinci setiap pengkategorian yang termuat dalam teori berkenaan. Oleh itu, kertas kerja ini telah menjelaskan langkah-langkah bagi

menjalankan kajian ini. Pertama, pengutipan dan pentranskripsian data. Data-data bagi kajian ini merangkumi video pengucapan YB Syed Saddiq yang berkisar mengenai bidang politik. Video-video yang digunapakai bagi kajian ini terdiri dari video yang dimuat naik pada akaun rasmi *Tiktok* beliau bermula pada 1 November 2022 hingga 30 November 2022, iaitu sebanyak tujuh belas buah video dan satu video berdurasi lebih kurang seminit. Pemilihan tempoh masa bagi pengutipan video ini adalah atas faktor, pada 19 November 2022 berlangsung Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke 15. Jadi, dalam tempoh berkenaan ahli parlimen Malaysia akan mula berkempen bagi pilihan raya berkenaan termasuk YB Syed Saddiq. Dalam tempoh ini jumlah video yang dimuat naik juga bertambah dan isi kandungan video akan lebih menjurus kepada bidang politik yang secara tidak langsung memanfaatkan tahap keberkesanan komunikasi yang tinggi dan baik. Perkara ini akan menjadikan data kajian yang lebih sesuai dan relevan untuk dikaji dalam kertas kerja ini. Seterusnya, video-video yang berkisar mengenai bidang politik akan dimuat turun. Setelah dikenal pasti video-video yang memenuhi kriteria dalam tempoh masa pengutipan data, kemudian diteruskan dengan proses pentranskripsian keseluruhan video yang telah dikutip bagi memudahkan proses selanjutnya.

Kedua, pengkategorian dan penganalisan data. Selepas data-data kajian itu melalui proses pengutipan dan pentranskripsian ia akan dikategorikan berdasarkan jenis-jenis yang dimuatkan dalam Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993), iaitu pendedahan (*exposition*), penerangan (*description*), pemujukan (*persuasion*), penghujahan (*argument*), dan penceritaan (*narration*) (Cleanth dan Robert, 1979). Penentuan data-data ini dikategorikan mengikut jenis-jenis retorik tertentu berdasarkan penanda-penanda linguistik yang berupa leksikal, frasa, partikel, dan sebagainya yang bersesuaian dengan makna yang dibawa setiap jenis-jenis retorik. Sebagai contoh, retorik penceritaan (*narration*) digunakan untuk mempengaruhi seseorang dengan memaparkan urutan cerita atau peristiwa sehingga menyebabkan pendengar bersetuju dengan persepsi yang dihasratkan. Retorik penceritaan ini memerlukan empat unsur utama, iaitu tema, plot, penekanan dan gaya bahasa yang menarik. Selepas data-data ini dikategorikan kepada jenis-jenis retorik, penganalisan kekerapan bagi setiap jenis-jenis retorik akan dijalankan untuk melihat corak penggunaan retorik yang digunapakai oleh YB Syed Saddiq.

Akhir sekali, proses perbincangan dan kesimpulan untuk meneliti kedua-dua analisis berkenaan untuk menjawab persoalan yang dimuatkan dalam kertas kerja ini.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### Retorik Pendedahan

Merujuk Kamus Dewan edisi Keempat (2007) pendedahan merujuk kepada perihal mendedahkan atau proses yang menjadikan seseorang memahami sesuatu yang asing pada mulanya. Tambahan lagi, pendedahan ini berasal daripada istilah dedah. Merujuk Kamus Bahasa Melayu Nusantara, (2011) menjelaskan dedah bermaksud buka, singkap, menampakkan, papar, atau bentang. Jadi, secara amnya, pendedahan ini merujuk kepada perkara yang didedahkan agar pendengar atau pembaca dapat memahami dan mengetahui dengan jelas. Menurut Sobariah, (2008) antara teknik yang kerap digunakan dalam retorik pendedahan ini ialah pendefinisian, percontohan, pencerakinan, pengkategorian, perbandingan, sebab dan

akibat. Perkara ini juga dipersetujui oleh Mohd Sidin (1999) yang menjelaskan bahawa retorik pendedahan ini lazimnya menggunakan teknik pendefinisian, pengkategorian, pernyataan yang bersistematik, perbandingan dan sebagainya. Kesemua teknik tersebut mempunyai penanda-penanda tertentu yang telah dikenal pasti dan boleh dirujuk melalui contoh-contoh seperti berikut:

1) Pendedahan menggunakan penanda '**adalah**' dan '**merupakan**'.

Teknik retorik pendedahan melalui teknik pendefinisian yang menggunakan kata tugas pemerai, iaitu leksikal "adalah" dan menggunakan kata sendi, iaitu leksikal "merupakan". Kata pemerai berfungsi untuk menerangkan pengertian, istilah, kata nama, frasa nama, dan sebagainya. Lazimnya kata pemerai bertujuan bagi memberi huraian mengenai subjek yang dapat menghubungkan subjek dengan predikat. Begitu juga dengan kata sendi yang digunakan untuk menghubungkan frasa nama dengan frasa yang lain (Nik Safiah et al, 1993). Dalam contoh (1a) menggunakan kata pemerai "adalah" diletakkan selepas kata nama "pelan" untuk memberikan keterangan kepada perancangan insentif yang diberikan kepada majikan bagi membantu golongan muda. Dalam contoh (1b) pula menggunakan kata pemerai "merupakan" diletakkan selepas frasa nama "salah satu hab" bagi menerangkan jenis dan kualiti hab tersebut. Kedua-dua contoh ini merupakan bentuk pendedahan yang menggunakan kata pemerai dengan tujuan memberikan suatu definisi, istilah, frasa nama, dan frasa adjektif (Khairul Taufiq dan Nor Hashimah, 2017).

Contohnya:

- a) Kini ada insentif yang sangat besar bagi majikan-majikan untuk berikan peluang kedua kepada anak muda ini dan itu **adalah** pelan yang sangat besar untuk bantu bela anak muda. (TD 8)
- b) Ramai mungkin tidak tahu bahawa Muar **merupakan** salah satu hab perabot yang terbesar. (TD 12)

2) Pendedahan menggunakan penanda '**seperti**'.

Teknik pendedahan menggunakan penanda kata sendi nama, iaitu leksikal "seperti". Menurut Nik Safiah et al (1993) menjelaskan kata sendi nama kerap digunakan bagi memberikan contoh, langkah, atau panduan tertentu yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama bagi memberikan maklumat tambahan atau pengukuhan bagi pendedahan yang dikemukakan sebelumnya. Dalam contoh (2a) menggunakan penanda "seperti" bagi menjelaskan contoh-contoh budaya yang terdapat di Muar, Johor. Dalam contoh (2b) juga menggunakan penanda "seperti" bagi memberi penekanan kepada contoh yang dikemukakan, iaitu dana projek benteng banjir. Jadi, penggunaan kata sendi nama "seperti" dalam contoh yang diterangkan ini memiliki kepentingannya yang tersendiri dalam menjelaskan atau memberi penekanan tertentu yang cuba disampaikan oleh penutur.

Contohnya:

- a) Untuk mempromosikan budaya di Muar **seperti** pesta bulan mengambang. (TD 12)

- b) Untuk jangka masa panjang **seperti** yang saya bahasakan di dalam parlimen, Muar perlu dapat tumpuan dana projek benteng banjir. (TD 16)

3) Pendedahan menggunakan penanda '**dengan**'.

Teknik pendedahan menggunakan penanda kata sendi nama, iaitu leksikal "dengan". Menurut Nik Safiah et al (1993) menjelaskan kata sendi nama kerap digunakan bagi memberikan contoh, langkah, atau panduan tertentu yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama bagi memberikan maklumat tambahan atau pengukuhan bagi pendedahan yang dikemukakan sebelumnya. Dalam contoh (3a) telah menggunakan penanda "dengan" untuk memberikan penegasan terhadap pembaharuan lantikan jawatan khusus bagi ahli parlimen Muar. Begitu juga dengan contoh (3b) yang telah menggunakan penanda "dengan" untuk memberi penegasan terhadap isu masalah pengganguran. Justeru, penggunaan kata sendi nama "dengan" dalam contoh ini memberikan penegasan tentang idea atau huraian yang didedahkan sebelumnya.

Contohnya:

- a) Saya berharap saya datang lagi sekali, untuk memperbaharui kontrak saya **dengan** anak-anak Muar. (TD 4)
- b) Kini dah cecah 2 juta anak muda yang terperangkap **dengan** masalah underemploment. (TD 8)
- 4) Pendedahan menggunakan penanda **wang ringgit**.

Teknik pendedahan menggunakan penanda wang ringgit bagi mendedahkan informasi yang berpotensi untuk mempengaruhi fikiran dan tindakan pendengar kerana hujah dikemukakan merupakan sesuatu yang relevan. Dalam contoh (4a) dan (4b) ini menjelaskan penggunaan penanda wang ringgit digunakan dalam teknik pendedahan, iaitu wang ringgit itu mendedahkan informasi kepada pendengar yang bertujuan untuk menarik perhatian serta rasa ingin tahu. Oleh itu, pendedahan menggunakan penanda wang ringgit berpotensi untuk mempengaruhi fikiran dan tindakan pendengar kerana hujah yang dikemukakan adalah menarik perhatian dan rasa ingin tahu pendengar, memandangkan wang merupakan suatu yang diperlukan dan bernilai yang digunakan setiap hari.

Contohnya:

- a) *All in all*, kita berjaya bawa lebih **RM 50 juta** pembangunan dan kebajikan di Muar. (TD 2)
- b) Lebih **RM 2 billion** peruntukan, *almost a 100* peratus *open tender*. Bukan untuk kroni, bukan untuk keluarga kerana ini adalah amanah dari rakyat yang wajib saya pertahankan. (TD 3)

Tuntasnya, dengan memanfaatkan teknik retorik pendedahan ini menjadikan hujah atau idea yang ingin disampaikan oleh penutur menjadi lebih efisien dan menarik minat pendengar. Menurut Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016) maklumat yang didedahkan akan memberi impak dan kesan yang berterusan kepada

diri pendengar khususnya dalam mempengaruhi minda dan emosi mereka. Perkara ini juga selari dengan prinsip asas retorik moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993).

### Retorik Penghujahan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) penghujahan merujuk kepada perihal memberikan hujah tentang sesuatu, dan mengemukakan pendapat serta alasan tentang sesuatu. Teknik penghujahan merupakan salah satu cara yang termuat dalam Teori Retorik Moden agar memujuk pendengar untuk mempercayai setiap penjelasan yang dikongsikan kepada mereka (Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016). Menurut Nor Azuwan et al (2018) terdapat dua ciri utama bagi menjelaskan teknik penghujahan ini, iaitu suatu kenyataan atau gagasan yang dikemukakan dan disertai dengan bukti yang kukuh. Perkara ini disokong dan ditambah oleh Md. Sidin (1999), iaitu beliau mengongsikan penghujahan didasari dengan tiga unsur utama, iaitu: pertama suatu kenyataan atau gagasan yang mesti diperkukuh. Kedua, alasan atau bukti untuk menyokong suatu kenyataan. Ketiga, pihak pendengar yang perlu diyakinkan. Dalam contoh (a) penutur menekankan bahawa usaha untuk menambah baik kehidupan masyarakat. Kemudian, penutur menegaskan bahawa penutur sanggup berkorban harta benda untuk kesejahteraan hidup masyarakat. Dalam contoh (b) pula, menekankan mengenai Muar merupakan pembuat perabot antara yang terbesar dan ditegaskan dengan fakta statistik kedudukan hab perabot berkenaan. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah kenyataan dan disokong dengan alasan dan bukti ini mampu menjadikan suatu maklumat yang disampaikan menjadi lebih kukuh dan mudah diterima pendengar.

Contohnya:

- a) Kenyataan: Untuk berkhidmat dan membela rakyat.

Alasan dan Bukti: sebab itu saya menteri pertama yang isytihar aset. (TD 3)

- b) Kenyataan: Muar merupakan salah satu hab perabot yang terbesar.

Alasan dan Bukti: *Its number 3 in Southeast Asia. One of the largest in the world.* (TD 12)

Sebagai kesimpulan, teknik retorik penghujahan ini salah satu cara untuk memujuk pendengar mempercayai suatu kenyataan tertentu dan disokong dengan alasan dan bukti tertentu yang berkaitan dengannya. Dengan ada alasan dan bukti yang diberikan, pasti mampu meraih kepercayaan pendengar. Menurut Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016) menjelaskan bahawa teknik retorik penghujahan ini selari dengan prinsip asas retorik moden yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993) yang mementingkan elemen seperti kebijaksanaan, kefasihan, kejelasan, dan keyakinan.

### Retorik Penerangan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) penerangan merujuk kepada alat yang digunakan untuk menerangi atau perihal yang menerangkan. Fungsi teknik retorik penerangan ini bertujuan untuk memberi gambaran mengenai keadaan,

suasana, tempat, kawasan, orang atau kejadian tertentu bagi menghasilkan imej yang jelas dalam minda pendengar (Husna Hidayah, 2018). Menurut Nor Azuwan, Zaitul Azma, dan rakan-rakan (2018) juga menyokong bahawa teknik retorik penerangan ini memberi fokus kepada penerangan tentang gambaran sesuatu yang dilakukan secara rinci agar dapat menghasilkan imej yang lebih jelas dan tepat sehingga boleh dibayangkan oleh pendengar. Menurut Mohd. Sidin (1999) menjelaskan terdapat dua cara untuk menghasilkan imej kepada minda pendengar dengan menggunakan teknik retorik penerangan, iaitu seperti berikut:

- a) Gambaran statik; menggunakan kata-kata adjektif bagi menghasilkan gambaran yang ingin disampaikan oleh pendengar. Contohnya penggunaan kata cantik, kacak, dan sebagainya.
- b) Gambaran aksi; menggunakan kata kerja bagi menjelaskan sesuatu perkara dengan menerangkan pergerakannya. Contohnya menerangkan watak seseorang seperti bagaimana dia bercakap, berjalan, dan sebagainya.

Kesemua teknik tersebut mempunyai penanda-penanda tertentu yang telah dikenal pasti dan boleh dirujuk melalui contoh-contoh seperti berikut:

#### 1) Penerangan menggunakan penanda '**maksud**'.

Teknik penerangan menggunakan penanda kata nama, iaitu leksikal "maksud". Leksikal "maksud" disini berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan tujuan atau erti yang tersimpul dalam suatu ayat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Dalam contoh (1a) menggunakan penanda kata nama "maksud" bagi memberikan penerangan situasi kehidupan graduan baharu bagi kenyataan yang diberikan sebelumnya, iaitu masalah pengangguran. Dalam contoh (1b) juga menggunakan penanda kata nama "maksud" bagi memberikan penjelasan mengenai apa yang cuba disampaikan sebelumnya, iaitu "K12 model". Kedua-dua contoh ini merupakan penjelasan yang ditandai selepas penanda nama "maksud" bagi kenyataan yang disampaikan sebelumnya. Perkara ini hampir sama dengan teknik retorik penghujahan, apa yang membezakan cuma penerangan bagi kenyataan teknik retorik ini lebih berbentuk gambaran atau scenario.

Contohnya:

- a) *Underemployment* dan meningkat 4 kali ganda. Apa **maksudnya**? Kalau seseorang itu, melanjutkan pengajaran ke institusi pengajian tinggi, 6 tahun hutang pendidikan RM 100 000. (TD 8)
- b) *My suggestion, adopt that K12 model*. K12 ini **maksudnya** daripada masa sekolah rendah sampai ke universiti. *There's a limited amount of time, entrance ke universiti pun we control it. Streamline. Focus based on niche and merit. Combine it together.* (TD 10)

#### 2) Penerangan melalui **gambaran suasana**.

Teknik penerangan melalui gambaran suasana bagi memberikan imej kepada minda pendengar kerana perincian penerangan suasana dan mudah difahami. Dalam contoh (2a) memberikan penerangan melalui scenario bagi kehidupan masa depan

bagi sebahagian graduan. Dalam contoh (2b) pula memberikan penerangan gambaran bagi jangkaan keadaan Muar di masa akan datang. Dalam kedua-dua contoh ini memberikan penerangan yang terperinci dan mudah difahami agar dapat menghasilkan imej dalam minda pendengar.

Contohnya:

- a) Belajar 6 - 7 tahun untuk dapatkan ijazah tetapi gaji rendah. Hutang pendidikan tinggi. Tak mampu nak beli rumah. Tak mampu nak beli kereta. Terpaksa bekerja 2 ke 3 *part time job* untuk menampung harga barang yang sangat mahal. (TD 14)
- b) Muar banjir lagi kerana hakisan pantai dan air pasang. Ini bukan kali pertama dan ini tak akan jadi kali terakhir. Yang lebih mencemaskan dianggarkan bahawa Muar akan tenggelam pada tahun 2050. *Immediate action must be taken.* (TD 16)

### 3) Penerangan melalui pengulangan.

Teknik penerangan melalui pengulangan bagi tujuan memberi penerangan yang lebih jelas dan menjadi unsur penegas yang dapat mempengaruhi minda pendengar. Dalam contoh (3a) menggunakan pengulangan leksikal “anak” bagi menerangkan dan menegaskan bahawa penutur memang seorang anak jati di Negeri Johor. Dalam contoh (3b) pula menggunakan pengulangan “bukan untuk” bagi memberikan penerangan dan penegasan bahawa penutur tidak memilih kasih walaupun untuk keluarga. Dalam kedua-dua contoh tersebut memberikan penerangan yang lebih jelas melalui pengulangan leksikal tertentu sekali gus memberi penegasan agar dapat mempengaruhi minda dan fikiran pendengar.

Contohnya:

- a) Saya merupakan seorang **anak Johor. Anak jati Johor** dan sebagai **anak jati Johor**, saya rasa bukan sahaja saya tetapi ramai di Johor sedar bahawa pembangunan itu selalu tertumpu di kawasan Selatan Johor tetapi di belah Utara Johor, ada jurang yang sangat besar. (TD 1)
- b) Lebih RM 2 billion peruntukan, *almost a 100 peratus open tender*. **Bukan untuk kroni, bukan untuk keluarga** kerana ini adalah amanah dari rakyat yang wajib saya pertahankan. (TD 3)

Natijahnya, teknik retorik penerangan ini membantu pendengar mencipta gambaran dalam fikiran mereka melalui penerangan penutur. Di samping itu, teknik retorik penerangan ini mampu memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap suatu kenyataan yang disampaikan penutur serta menjadi penegas.

### Retorik Penceritaan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) penceritaan merujuk kepada perihal menceritakan, iaitu menerangkan sesuatu perkara. Menurut Muhammad Mazlan (2015) mentakrifkan retorik penceritaan sebagai sebuah cerita yang memiliki kaitan dengan kenyataan yang disampaikan oleh penutur. Tambahan lagi, retorik penceritaan ini berfungsi sebagai penegas tentang suatu kenyataan yang disampaikan

dalam bentuk cerita-cerita yang berkisar dengan kehidupan harian masyarakat yang juga terselit unsur humor (Zaitul Azma, 2009). Contoh-contoh yang termuat dalam retorik penceritaan ini merangkumi cerita pendek, sejarah, novel, hikayat, autobiografi, dan sebagainya. Menurut Mohd. Siddin (1999) menjelaskan bahawa teknik retorik penceritaan ini meliputi penggunaan dialog yang lengkap dan teliti agar mampu menarik perhatian pendengar.

Walau bagaimanapun, bagi teknik retorik penceritaan ini tidak ditemui atau didapati dalam data kajian ini. Kertas kerja ini mencuba untuk mencari jika teknik retorik penceritaan ini ada digunakan oleh YB Syed Saddiq dalam video *Tiktok* beliau. Pada 2 Februari 2023, kertas kerja ini menemui ucapan yang boleh dikategorikan sebagai teknik retorik penceritaan, iaitu "Lihat di Singapura, di setiap stesen bas dan MRT ada laluan pejalan kaki khas. Di Malaysia tidak, MRT belakang rumah tapi macam nak pergi *hiking* Gunung Kinabalu setiap hari". Perkara ini membuktikan retorik penceritaan ini kurang digunakan oleh YB Syed Saddiq kerana tarikh video yang digunakan bagi kajian kertas kerja ini bermula dari 1 November 2022 hingga 30 November 2022 dan jenis retorik penceritaan hanya ditemui pada video 2 Februari 2023. Perkara ini selari dengan kajian Dewi Hj Samri dan Haziq Aisha (2021) yang melihat kepada data yang berunsurkan situasi rasmi, iaitu perutusan rasmi kerajaan juga tidak menemui teknik retorik penceritaan dalam dapatan kajian mereka. Namun demikian, jika melihat data dari aspek yang kurang berunsurkan situasi rasmi seperti dalam kajian Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015) yang melihat pada karya sastera dan kajian yang dijalankan oleh Dewi Haji Samri (2022) yang melihat pada ceramah agama menemui teknik retorik penceritaan yang paling kerap digunakan.

### Retorik Pemujukan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pemujukan merujuk kepada perihal memujuk, iaitu menggunakan kata-kata manis dengan tujuan untuk melembutkan hati. Astrid (1987) menjelaskan bahawa teknik retorik pemujukan merupakan seni memujuk pendengar agar melakukan perkara yang diinginkan oleh penutur. Tambahan lagi, menurut Azlina (2015) tujuan penutur memberikan kenyataan menggunakan teknik retorik pemujukan ini adalah untuk membuatkan pendengar mempertimbangkannya. Perkara ini juga bertujuan untuk membantu mencapai objektif atau matlamat penutur (Lim Kim Hui dan Har Wai Mun, 2014). Oleh yang demikian, teknik retorik pemujukan ini berfokus kepada dua jenis, iaitu pemujukan rasional; berfokus kepada penyampaian hujah yang mampu mempengaruhi pendengar dan pemujukan tidak rasional pula; berfokus kepada menyentuh emosi pendengar dan akhirnya mempengaruhi fikiran dan tindakan pendengar (Azrul dan Nor Azuwan, 2015). Kesemua teknik tersebut mempunyai penanda-penanda tertentu yang telah dikenal pasti dan boleh dirujuk melalui contoh-contoh seperti berikut:

#### 1). Pemujukan menggunakan partikel '-lah'.

Teknik pendedahan menggunakan partikel, iaitu '-lah'. Menurut Nik Safiah et al (1993) yang menyatakan fungsi partikel ini adalah untuk memberi penekanan dan peringatan kepada pendengar. Tambahan lagi, partikel itu boleh berupa penekanan,

penegasan, pengukuhan, atau pernyataan secara halus bagi pemujukan (Abdullah, 2013). Dalam contoh (1a) penanda partikel “-lah” digabungkan dengan kata “keluar” yang berfungsi untuk memberi pemujukan kepada pendengar. Tambahan lagi, memberi peringatan untuk menjalankan hak, iaitu untuk mengundi. Dalam contoh (1b) pula penanda partikel “-lah” digabungkan dengan kata “di situ” bagi memberi penekanan serta peringatan yang berterusan kepada pendengar mengenai kenyataan penutur. Kedua-dua contoh ini berfungsi untuk memujuk sekaligus memberikan peringatan yang berterusan kepada pendengar.

Contohnya:

- a) Dengan itu keluar**lah** mengundi jalankan hak anda untuk negara kerana ini berkenaan masa depan negara kita bersama, masa depan Malaysia bersama. (TD 11)
- b) Pulangkan kuasa kepada parlimen. Tidak ada situasi di mana kabinet menentukan segala-galanya. Pulangkan kepada parlimen kerana di situ**lah** institusi rakyat yang sebenar. (TD 7)

## 2) Pemujukan menggunakan penanda ‘wahai’.

Teknik pemujukan menggunakan penanda kata seru, iaitu leksikal “wahai”. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016) fungsi kata seru itu untuk menarik perhatian sebelum menyatakan kenyataan dan lazimnya bagi menyatakan rasa sedih. Dalam contoh (2a) dan (2b) dimulakan dengan penanda kata seru “wahai” yang berfungsi memujuk pendengar, iaitu dalam contoh ini anak muda untuk mendengar dan memberi perhatian kepada apa yang ingin diucapkan oleh penutur. Berdasarkan contoh-contoh ini, penanda kata seru ‘wahai’ bertujuan untuk menarik perhatian di samping untuk memujuk pendengar mendengar apa yang ingin disampaikan penutur.

Contohnya:

- a) **Wahai** anak muda. Kamu boleh menjauhi diri daripada politik tetapi politik tidak akan menjauhi diri dari kamu. (TD 13)
- b) **Wahai** anak muda saya kongsiikan impian yang sama seperti anda untuk melihat negara kita maju. (TD 14)

## 3) Pemujukan menggunakan penanda ‘memperbaharui’.

Teknik pemujukan menggunakan penanda leksikal “memperbaharui”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) memperbaharui ini ditakrifkan sebagai membaiki agar sesuatu itu menjadi barharu. Fungsi leksikal ini untuk memujuk pendengar untuk terus mempercayai penutur. Dalam contoh (3a) dan (3b) menggunakan penanda leksikal “memperbaharui” yang berfungsi untuk memujuk pendengar agar memberi peluang lagi untuk berkhidmat dalam tugas yang sebelumnya. Kedua-dua contoh ini menggunakan leksikal “memperbaharui” dengan tujuan untuk memujuk pendengar memberi peluang kepada penutur. Di samping, mencuba meyakinkan dan mempengaruhi minda dan tindakan pendengar.

Contohnya:

- a) Saya berharap saya datang lagi sekali, untuk **memperbaharui** kontrak saya dengan anak-anak Muar. (TD 4)
- b) Walaupun, ini namanya pilihanraya, pilihanraya ini kita raikan seperti satu perayaan. Tetapi, saya di sini, syed saddiq, dengan penuh rasa rendah diri. Lagi sekali datang, ingin **memperbaharui** kontrak saya sekali setiap 5 tahun, dengan anak-anak Muar. (TD 6)

4) Pemujukan menggunakan segmen agama.

Teknik pemujukan menggunakan penanda segmen agama, iaitu leksikal “insya-Allah” dan memberi salam. Fungsi leksikal “insya-Allah” itu bagi meyakinkan pendengar mengenai keterangan yang disampaikan. Perkara ini adalah kerana takif bagi leksikal “insya-Allah” ini bermaksud jika diizinkan Allah. Selain itu, dengan memberi salam ini memujuk pendengar untuk mendengar keterangan yang akan disampaikan kerana lazimnya pendengar tetap akan menjawab salam berkenaan. Dalam contoh (4a) penggunaan penanda “insya-Allah” bagi memujuk pendengar bahawa penutur akan berusaha semaksimum mungkin serta meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada tuhan. Penggunaan ini diterapkan bagi mengukuhkan usaha yang telah diberikan di samping menyentuh emosi dan menarik perhatian pendengar. Dalam contoh (4b) pula, penggunaan salam bagi memujuk pendengar mendengar agar memberi perhatian terhadap apa yang cuba diucapkan oleh penutur. Dengan melihat kedua-dua contoh ini membuktikan penggunaan segmen agama juga memainkan peranan dalam memujuk pendengar agar dapat mempengaruhi tindakan dan fikiran pendengar.

Contohnya:

- a) Apabila kita masuk pilihanraya ini, kita bertanding secara sihat, kita lawan dengan hujah dan fakta, dan kita fokus untuk membina Malaysia maju bermaruah dan berintegriti bersama. **Insyah-Allah**. (TD 6)
- b) **Assalamualaikum. Da jia hao, Eppadi Irukinge, Vanakkam.** Adakah saya akan lawan? Pada pilihanraya ini? Pada tahun 2018, saya diberikan mandat untuk berkhidmat di Muar dan sampai ke hari ini saya terhutang budi kepada warga Muar. (TD 3)

5) Pemujukan menggunakan penanda ‘sanggup’.

Teknik pemujukan ini menggunakan penanda kata kerja, iaitu leksikal “sanggup”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mentakrifkan leksikal “sanggup” ialah bersedia dan mampu untuk melakukan sesuatu. Jadi, fungsi leksikal berkenaan untuk memujuk bahawa seseorang itu rela, dan sudi berkorban untuk menunaikan kenyataan yang diujahkannya. Dalam contoh (5a) menggunakan penanda kata kerja “sanggup” bagi tujuan memujuk pendengar bahawa penutur rela melakukan apa sahaja bagi kebajikan masyarakat. Manakala, dalam contoh (5b) juga menggunakan penanda kata kerja “sanggup” bagi mengakui pengorbanan masyarakat yang sanggup ikut serta disamping cuba memujuk pendengar agar dapat

mempengaruhi dan meyakinkan pendengar terhadap apa yang cuba disampaikan penutur. Kedua-dua contoh yang menggunakan penanda kata kerja “sanggup” ini berfungsi untuk memujuk pendengar agar meyakinkan dan memberi sokongan terhadap kenyataan penutur. Di samping itu, penggunaan teknik pemujukan menggunakan penanda “sanggup” ini mampu menarik perhatian pihak pendengar kerana pengorbanan yang rela diberikan penutur menjadikan pendengar semakin tertarik untuk memberi sokongan.

Contohnya:


- a) Saya **sanggup** lawan berhabis-habisan, walaupun menggadaikan jawatan menteri, dibuang parti, dihina, dimaki, tetapi prinsip perjuangan dan amanah yang diberikan oleh orang Muar itu tidak akan saya gadaikan. (TD 3)
- b) Pertama sekali, saya nak ucapkan terima kasih daripada saya dan keluarga kepada kawan-kawan daripada seluruh Muar yang **sanggup** turun bersama pada hari ini. (TD 6)

Secara tuntasnya, teknik retorik pemujukan ini mampu untuk mempengaruhi persepsi pendengar seperti yang dihasratkan penutur dengan membuat pendengar berfikir dan mempertimbangkan idea dan hujah yang dikemukakan. Walaupun begitu, setiap kenyataan yang disampaikan penutur perlu mempunyai pemahaman sosial, psikologi yang mendalam dan sebagainya agar pewajaran yang diberikan penutur mampu meyakinkan pendengar sehingga mampu mempengaruhi minda dan tindakan pendengar. Menurut Muhammad Mazlah dan Zaitul Azma (2016) retorik pemujukan ini selari dengan prinsip asas retorik moden yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993) bahawa setiap ungkapan retorik memerlukan keupayaan kognitif, pemahaman sosial, psikologi, dan penguasaan bahasa tertentu.

## PERBINCANGAN

Daripada keseluruhan kajian yang dijalankan, mendapati bahawa hanya empat dari lima jenis retorik moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993) yang digunakan oleh YB Syed Saddiq dalam video *Tiktoknya*, iaitu retorik pendedahan, pemujukan, penghujahan, dan penerangan. Daripada keseluruhan analisis yang dijalankan, retorik pendedahan merupakan jenis yang paling kerap digunakan, iaitu sejumlah 70 kali bersamaan dengan 50.7 peratus daripada keseluruhan jumlah retorik yang digunakan. Bentuk yang paling sedikit digunakan pula, retorik penghujahan sebanyak 13 kali bersamaan dengan 9.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Disamping itu, tiada ditemui penggunaan retorik penceritaan dalam tempoh data diambil. Selain itu, retorik pemujukan digunakan sebanyak 34 kali bersamaan dengan 24.6 peratus dan retorik penerangan pula digunakan sebanyak 21 kali bersamaan dengan 15.2 peratus. Secara ringkasnya, jumlah penggunaan bagi setiap bentuk retorik boleh dilihat melalui Rajah 1.

### Jumlah Penggunaan Bagi Setiap Bentuk Retorik



**Rajah 1.** Jumlah Penggunaan Bagi Setiap Bentuk Retorik

Peratusan ini menjelaskan bahawa retorik pendedahan merupakan teknik yang utama dan dominan digunakan. Perkara ini adalah bersesuaian dengan objektif pengucapan politik yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat berdasarkan fakta dan hujah sahaja. Jadi, pengucapan politik ini kurang memerlukan manfaat teknik retorik penceritaan secara berlebihan. Perkara ini adalah disebabkan oleh maklumat dalam pengucapan politik yang perlu diucapkan secara telus, berterus terang dan bukan menyampaikan maklumat yang samar-samar. Perkara ini disokong dalam dapatan kajian yang dijalankan oleh Hadirah Amalin Hisham dan Fuzirah Hashim (2022) mendapati bahawa YB Syed Saddiq kerap menggunakan lakuan bahasa asertif atau representatif, iaitu sebanyak 45 kali dari 72 berbanding jenis lakuan bahasa yang lain. Lakuan bahasa asertif atau representatif ini merupakan sesuatu idea yang benar dan bukan palsu seperti fakta yang dibuat berdasarkan konteks tertentu. Antara fungsinya adalah untuk menegaskan, menafikan, menyimpulkan, melaporkan, mendapatkan, dan menyatakan sesuatu idea (Searl, 1975). Perkara ini menjelaskan dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq, lebih kerap berhujah berdasarkan fakta seperti retorik pendedahan dan lakuan bahasa asertif atau representatif. Begitu juga dengan ahli politik besar yang lain seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia yang mengutamakan pernyataan maklumat berdasarkan fakta. Buktinya dalam kajian Lee Ai Chat (2001) mendapati bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam teks ucapannya menggunakan teknik pernyataan maklumat sebagai teknik yang utama dan paling kerap digunakannya, iaitu sebanyak 29.5 peratus.

Selain itu, Farhad dan Sanaz (2016); Alimi et al (2021); Manoharan et al (2022) menjelaskan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada strategi persuasif dan komunikasi yang berkesan, salah satunya keupayaan penutur menggunakan bahasa yang sesuai untuk menjalinkan hubungan dan kesefahaman antara penutur dengan pendengar. Oleh itu, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahasa retorik khususnya retorik moden dalam pengucapan politik merupakan strategi persuasif yang berkesan dalam menjalinkan hubungan

kesefahaman di antara pihak ahli politik dengan masyarakat. Jadi, dengan memanfaatkan retorik sebagai alat penyampaian maklumat agar mudah diterima oleh masyarakat. Tambahan lagi, Teori Retorik Moden ini memainkan peranan penting dalam usaha meyakinkan dan mempengaruhi pemikiran dan psikologi pendengar. Di samping menjadikan pendengar tertarik dan menumpukan perhatian mereka kepada pengucapan penutur. Perkara ini bertepatan dengan ciri khas retorik yang memberi keyakinan terhadap sesuatu serta dapat mempengaruhi tindakan pendengar selanjutnya (Roderick, 1997).

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kertas kerja ini memanfaatkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) untuk menelaah penanda-penanda dan mengkategorikan penggunaan retorik yang dimuatkan dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq dalam platform *Tiktok*, iaitu sebanyak tujuh belas buah video *Tiktok*. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang telah dijalankan, kajian ini mendapati empat dari lima sahaja jenis retorik yang telah ditemui dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq, iaitu retorik pendedahan sebanyak 50.7 peratus, retorik pemujukan 24.6 peratus, retorik penerangan 15.2 peratus dan retorik penghujahan sebanyak 9.4 peratus. Kesemua jenis retorik ini telah dikenal pasti melalui penanda tertentu, seperti penggunaan kata pemeris, kata sendi nama, kata seru, dan penggunaan segmen agama. Dapatan ini selari dengan dengan gaya bahasa ahli politik lain yang mengutamakan pemaparan dan pendedahan fakta. Harapan kertas kerja ini agar dengan adanya ciri dan corak penggunaan retorik dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq ini secara tidak langsung dapat membantu memperkembangkan lagi pengetahuan politik yang boleh dimanfaatkan, bukan sahaja pada bahasa yang digunakan dalam bidang politik oleh pembesar negara tetapi mencakupi aktiviti keberkesanan komunikasi seharian oleh masyarakat awam. Oleh itu, menerusi pemanfaatan penggunaan Teori Retorik Moden dalam penyampaian politik merupakan salah satu cara yang baik untuk mengembangkan lagi pengetahuan terhadap keberkesanan komunikasi sehingga boleh mempengaruhi pemikiran dan tindakan ke arah yang lebih baik dan positif. Selain itu, bidang politik ini juga merupakan medium yang penting dalam hubungan masyarakat dengan kerajaan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup dalam sesebuah bangsa. Bak kata pepatah, "bersatu kita teguh, bercerai kita roboh".

## REKOMENDASI

Kajian seterusnya dapat meneliti secara mendalam bagaimana penggunaan retorik dalam video Tik Tok oleh ahli politik mempengaruhi pendapat dan pandangan masyarakat awam terhadap isu-isu politik. Analisis dapat difokuskan pada respons dan reaksi masyarakat terhadap retorik yang digunakan. Kajian lanjut boleh mengkaji bagaimana penggunaan retorik berubah atau disesuaikan dalam konteks pengucapan multibahasa, khususnya apabila politikus berkomunikasi dalam lebih daripada satu bahasa. Ini dapat memberikan wawasan ke dalam bagaimana aspek bahasa memainkan peranan dalam daya saing retorik. Kajian bandingan boleh dilakukan untuk memahami perbezaan dalam penggunaan retorik antara Tik Tok dan platform media sosial lain. Ini dapat membantu mengenal pasti ciri-ciri unik retorik politik dalam setiap platform dan impaknya terhadap audiens yang berbeza.

**Pembiayaan**

Penyelidikan ini tidak mendapat sembarang pembiayaan

**Konflik Kepentingan**

Penulis menyatakan bahawa tidak ada konflik kepentingan dalam kajian ini.

**DAFTAR PUSTAKA**

- Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik am: Siri pengajian dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, N. H., Hassan, I., Ahmad, M. F., Hassan, N. A., & Ismail, M. M. (2021). Social Media, Youths and Political Participation in Malaysia: A review of literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 845-857.
- Abdul Halim Ali. (2005). 'Solidariti Sosial di Belawai: Suatu Keprihatinan Konseptual' dalam *Institute of Borneo Studies, Universiti Malaysia Sarawak*. (2015). 1(1), November 2015. ISSN: 2462-1447.
- Alimi, K. F., Ayob, A. H.; Abdullah, A. R.; Mohamed Sultan, F. M. & Karuppanan, G. (2021). Effectiveness of English Language E-learning among Tertiary Education Students during the COVID-19 Pandemic. *3L: Language, Linguistics & Literature®*, 24(7), 56-71.
- Arum Wahyuni Purbohastunti. (2017) Efektivitas media sosial sebagai media promosi. *Tirtayasa Ekonomika* 12(2).
- Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel Salina karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 2, 49-59.
- Asep Saepulah. (2020). Konsep filsafat retorika dalam debat keagamaan Zakir Naik: studi analisis filsafat retorik Aristoteles. *Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 18(2).
- Astrid, S. (1987). *Komunikasi: Teori dan praktis*. Penerbit Binacipta.
- Azlina Kamaruddin. (2015). *Komunikasi dan seni pemujukan*. UUM Press, Universiti Utara Malaysia.
- Bakker Tom P. & Claes H. De Vreese. (2011). Good news for the future? Young people, internet use, and political participation: *Communication Research* 38(4) 451-470: Sage Publication.
- Bennett, W. L. (2008). *Civic Life Online: Learning How Digital Media can Engage Youth*. Cambridge : The MIT Press.
- Cleanth, B. & Robert, P.W. (1979). *Modern rhetoric (Fourth Edition)*. Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Dewi Hj Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan Bahasa Retorik Dalam Pewahanaan Informasi COVID-19 Di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95-117.
- Dewi Hj Samri. (2022). Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49-76.
- Dhankik Sulistyarini & Anna Gustina Zainal. (2020). *Buku ajar retorika*. Kota Serang : CV. AA. Rizky.
- Emalina Fransiska Hia & Chontina Siahian. (2021). Komunikasi politik di era digital. *Jurnal Ilmiah Multidisiplin Indonesia*, 1(1), 6-18.

- Faiz Zaidi. (2021). An Emergence of Youth Participation in Malaysian Politics. IDEAS Institute for Democracy and Economic Affairs) <https://www.ideas.org.my/an-emergence-of-youth-participation-in-malaysian-politics/>. Diakses pada 12 April 2023.
- Faradhian Anshari. (2013). Komunikasi politik di era media sosial. *Jurnal Komunikasi*, 8(1) 91-101.
- Farhad, M., & Sanaz, Afshin. (2016). Evaluative Language in Political Speeches: A Case Study of Iranian and American Presidents' Speeches. *International Journal of Linguistics*, 8(4), 166-183. <https://doi.org/10.5296/ijl.v8i4.9398>
- Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019). Manfaatkan kebebasan berpolitik dalam kalangan Mahasiswa. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/544888/manfaatka-n-kebebasanberpolitik-dalam-kalangan-mahasiswa>. Diakses: 12 Januari 2023.
- Hadirah Amalin Hisham dan Fuzirah Hashim. (2022). Promoting Political Engagement among Youth: Analysis of Speech Act Patterns in Syed Saddiq's Speech. *3L: Language, Linguistics, Literature The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. 28(3), 296-308.
- Hornby. AS. (1974). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. London: Oxford University Press.
- Husna Hidayah Mansor. (2018). Retorik dalam ceramah agama Kazim Elias. Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Jenkins, H. (2006). *Convergence Culture: Where Old and New Media Collide*. New York University Press.
- Johan Moreno (2021). Tiktok surpasses Google, Facebook as world's most popular web domain. *Forbes*. <https://www.forbes.com/sites/johanmoreno/2021/12/29/tiktok-surpasses-google-facebook-as-worlds-most-popular-web-destination/?sh=5c9d8d5043ef>. Diakses pada 12 Januari 2023
- Lim Kim Hui & Har Wai Mun. (2014). *Jaringan bahasa: Logik, retorik dan globalisasi*. Selangor Darul Ehsan.
- Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir. (2013). Unsur-unsur retorik dalam puisi melayu al-amin karya A.Samad Said. *Jurnal Usuluddin*, (37), 117-150.
- Rheingold, H. (2008). Using participatory media and public voice to encourage civic engagement. In W. Bennett, *Civic life online: Learning how digital media can engage youth* (pp. 97-118). MIT Press.
- Rodrck, P.H. (1997). *Modern Rhetorical Criticism Second Edition*. United States of America.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara. (2011). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Naziah Binti Mohammad. (2016). Retorik dalam pengucapan pemimpin Malaysia. Latihan Penyelidikan. Universiti Brunei Darussalam.

- Khairul Taufiq Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaludin. (2017). Kata pemerian ialah dan adalah: Analisis pragmatik. *Jurnal Linguistik*, 2(1), 14-28.
- Lee, Ai Chat. (2001). Analisis teks ucapan politik bahasa Melayu dari segi retorik: satu kajian kes terhadap ucapan politik Dr. Mahathir Mohamad. Master thesis, Universiti Malaya.
- Lee Thai Hung. (2022). Tiktok context in communication strategy: politics of the 15th General Election in Malaysia. *Higher Educational and Oriental Studies (HEOS)*, 12(6): 24-33.
- Levine, P. (2011). *Civic engagement and community information: Five strategies to revive civic communication*. Washington: Aspen Institute.
- Lina Mastura Jusoh & Zaleha Embong. (2021). Cabaran memperkukuh kesepaduan sosial dalam masyarakat superdiversity di Malaysia. *Insaniah. Special Issue*, November 2021, 109-120.
- McNair, B. (2011). Media, communication and democracy: global and national environments. Conference in Melbourne (31 August 1-2 September 2011).
- Muhd Mazlan Bin Abu Bakar. (2015). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media. Latihan Penyelidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media. *Jurnal Linguistik*, Universiti Putra Malaysia. 20, 10–25. <http://WWW.PLM.ORG.MY>
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (1999). *Keterampilan Menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manoharan, S. R.; Hua, T. K. & Mohamed Sultan, F. M. (2022). A comparison of Online Learning Challenges between young learners and adult learners in ESL classes during the Covid-19 pandemic: Critical Review. *Theory And Practice in Language Studies*, 12(1), 28-35.
- Nik Safiah Karim. (1993). *Tatabahasa Dewan: Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Husna binti Abd. Razak. (2011). Retorik dalam iklan produk kesihatan. Latihan Penyelidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Azuwan Yaakob, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normaizura Md. Zain & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2018, Disember). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(2) 54-67.
- Norlia Md. Zain, (2021). Kesan Covid-19 terhadap sektor pengangkutan negara. Pelita Brunei <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=39487&ContentTypeId=0x0100A15AC32EE9717E478A995CCD9E9FFA221> Diakses pada 30 Jan 2023.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel "Orang Kota Bharu". *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 13–22.
- Nurulain Abdul Razak, Che Ibrahim Salleh, & Hashim Musa (2016). Titah ucapan pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan oleh Sultan Muhammad V: satu analisis retorik. *Pertanika MAHAWANGSA*, 3(1). 79-93.

- Nurul Izzatie Yusri & Khazri Osman. (2022). Uslub Targhib dan tarhib dalam surah Al-Mukminun. Seminar Dakwah & wahdah Al-Ummah 2022, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salehuddin bin Hj. Mohd. Noor, Jalaludin bin Hj. Modd. Nor, Ishak bin Hj. Abd. Rahman. (2003). *Pengucapan Awam*. Singapura: Thomson Learning.
- Searle, J. (1975). A taxonomy of illocutionary acts. *Language, Mind and Knowledge*. 7, 344-369.
- Sharil Nizam Sha'ri et.al (2016). Retorik dalam risalah iklan makanan segera di seksyen 7, Shah Alam, Selangor. *Jurnal Kesidang*, 1, 102-127.
- Sillars, S. (1988). *Success in Communication*. John Murray Pubs Ltd.
- Sobariah Baharum. (2008). Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain. Universiti Putra Malaysia.
- Untung Suhardi. (2020). Kajian retorika bagi penyuluh dalam meningkatkan kualitas pemahaman ajaran agama Hindu. *Jurnal Penerangan Agama Hindu*, 18(2), 21-42.
- Van Dijk, Jan.A.G.M. (2012). Digital democracy: Vision and reality. *Public Administration in the information age: Revisited*, 19,49.
- Zaitul Azman Zainon Hamzah. (2009). Bahasa dan budaya dalam novel terjemahan: Satu Pendekatan pragmatik dalam kelestarian bidang penterjemahan. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Zamimah Binti Osman. (2015). Strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi. Ph. D disertasi, Universiti Utara Malaysia.